



MAJLIS PELANCARAN

BUKU 'ALAM SEKITAR
ANUGERAH TUHAN'

BUKU 'MALAYSIA : AGENDA 21
VERSI KANAK-KANAK',
&
PROJEK 'WIRA ALAM'

oleh

Y.B. DATUK LAW HIENG DING

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

dan

**Y.B. DATO' SRI MOHD NAJIB
BIN TUN ABDUL RAZAK**

Menteri Pendidikan

pada

5 JUN 1998

di

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM
MALAYSIA
(IKIM)**

SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 1998





ALAM GEMILANG

(Lagu Jabatan Alam Sekitar)

Indahnya alam ini,
Nyaman segar dan berseri
Pohon-pohon merimbun, air di tasik
mengalir jernih
Hijau bumi pantai indah memutih,

Bersama kita belai,
Agar kekal bumi yang permai,
Hentikan pencemaran
Jadi pegangan sepanjang masa
Keindahan alam warisan kita

Kita semaikan sifat terpuji
Alam sekitar wajar dijagai
Satu wawasan murni gemilang
Negara bersih rakyat cemerlang



ATURCARA MAJLIS

- 8:45 pg : Ketibaan para jemputan.
- 8:50 pg : Ketibaan Y.B. Menteri-Menteri
- 9:00 pg : Ucapan Aluan oleh Pengerusi IKIM,
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid
- 9:05 pg : Ucapan Aluan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar,
Y. Bhg. Hajah Rosnani Ibarahim
- 9:10 pg : Ucapan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Y.B. Datuk Law Hieng Ding
- 9:20 pg : Ucapan oleh Menteri Pendidikan
Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
- 9:30 pg : **Renungan - Ilmu Anugerah Tuhan**
Pelancaran Bersama
oleh
Y.B. Datuk Law Hieng Ding dan
Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak
Buku 'Alam Sekitar Anugerah Tuhan',
Buku 'Malaysia : Agenda 21 Versi Kanak-kanak', dan
Projek 'Wira Alam'
- * Penyerahan Buku kepada Wakil-Wakil Perpustakaan Awam/Institusi Pengajian Tinggi, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan Pusat Islam oleh Y.B. Datuk Law Hieng Ding.
 - * Penyerahan Buku kepada Wakil Sekolah-Sekolah oleh Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
 - * Penyampaian buku-buku oleh Y.Bhg. Ketua Pengarah Alam Sekitar kepada Y.B. Menteri-Menteri dan Pengerusi IKIM
- 10:15 pg : Persembahan oleh murid-murid Sek. Keb. Damansara Utama,
Petaling Jaya
- : Jamuan Ringan (Kafetaria)
- 11:00 pg : Majlis Bersurai





KATA-KATA ALUAN

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR

Saya ingin mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Alam Sekitar kerana berjaya menerbitkan 3 buah buku; iaitu; 'Alam Sekitar Anugerah Tuhan' yang menyampaikan unsur-unsur cintai alam sekitar melalui aspek agama, 'Malaysia : Agenda 21 Versi Kanak-Kanak' yang telah diringkaskan untuk kefahaman kanak-kanak dan buku-buku 'Wira Alam' yang diterbitkan khas untuk anak-anak bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang membawa kebaikan terhadap alam sekitar.

Penerbitan buku-buku ini sememangnya amat tepat pada masanya untuk kita memupuk minat dan keperihatinan di kalangan kanak-kanak agar menjadi warga yang bertanggungjawab dan cinta terhadap alam sekitar. Dengan menyediakan bahan bacaan seperti ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran anak-anak terhadap alam sekitar.

Semuga dengan kesedaran dari generasi muda masa kini, bumi kita dapat terus mengekalkan warisan alam sekitarnya.

DATUK LAW HIENG DING





KATA-KATA ALUAN MENTERI PENDIDIKAN

Usaha-usaha untuk memupuk kesedaran tentang alam sekitar melalui bahan bacaan selain menambah bahan-bahan rujukan mengenai pengurusan alam sekitar untuk sekolah-sekolah sangat dialu-alukan selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan untuk melahirkan generasi yang gemar membaca.

Kerajaan Malaysia telah menyatakan komitmen yang tegas dan jelas mengenai penjagaan alam sekitar dan diharap dengan adanya bahan-bahan rujukan seperti buku 'Malaysia : Agenda 21 - Versi Kanak-Kanak' dan 'Alam Sekitar Anugerah Tuhan', tenaga pengajar akan dapat idea-idea yang positif dan seterusnya menyumbang kearah melahirkan murid-murid yang perihatin tentang pentingnya alam sekitar yang bersih dan mapan.

Projek 'Wira Alam' yang baru dibangunkan ini merupakan projek pendidikan alam sekitar dan akan diserapkan sebagai satu aktiviti persatuan. Bagi saya ini merupakan satu peluang kepada kanak-kanak sekolah untuk memahami dan memupuk semangat cintakan alam sekitar.

Diakhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam usaha menjayakan projek ini dan seterusnya berharap usaha ini berterusan.

Sekian.


DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK



TAN SRI DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
MENTERI PENDIDIKAN





KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR

Assalamualaikum w.b.t.

Adalah menjadi hasrat Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan bahawa nilai-nilai murni alam sekitar difahami, dihayati dan diamalkan oleh semua golongan masyarakat, daripada peringkat kanak-kanak sehingga orang dewasa. Tumpuan istimewa perlu diberikan kepada kanak-kanak dan golongan remaja memandangkan mereka akan mewarisi negara dan bumi ini.

Alam sekitar merupakan kurniaan Tuhan kepada makhluknya yang harus dijaga dengan sebaik-baiknya. Buku 'Alam Sekitar Anugerah Tuhan' ini adalah untuk bahan bacaan pelajar-pelajar sekolah bagi menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar yang merupakan suatu pendekatan yang diutamakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Penerbitan buku bacaan dari segi penerapan nilai-nilai murni alam sekitar dari perspektif agama diharapkan dapat memberi kefahaman yang lebih jelas dari sudut yang berbeza mengenai isu-isu alam sekitar.

Agenda 21 adalah satu komitmen masyarakat antarabangsa ke arah satu era yang lebih baik. Buku 'Malaysia : Agenda 21 Versi Kanak-Kanak' ini sebenarnya diterbitkan khusus untuk menambahkan lagi kesedaran dan kecintaan anak-anak semua terhadap alam sekitar. Keterangan dalam buku ini boleh dijadikan sumber inspirasi kepada akal fikiran, ilmu falsafah, ilmu ketuhanan dan keagamaan. Buku ini disampaikan dalam bentuk yang lebih mudah untuk pembacaan dan pemahaman golongan muda.

Hasil kajiselidik Jabatan telah menunjukkan bahawa, walaupun tahap kesedaran mengenai alam sekitar dikalangan orang ramai adalah tinggi, tetapi mereka kurang memberi komitmen dalam usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar. Ini bermakna, kesedaran sahaja tidak memadai bagi memotivasikan mereka untuk melibatkan diri secara aktif dan positif dalam kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan alam sekitar. Satu program yang dicadangkan ialah projek 'Wira Alam', yang bertujuan untuk memotivasikan dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk menyumbang samada secara individu atau kolektif dalam program-program yang berkaitan Jabatan Alam Sekitar.

Terima kasih.

HAJAH ROSNANI BARAHIM





KATA-KATA ALUAN PENGERUSI IKIM

Dengan segala hormatnya saya ingin mengalu-alukan kehadiran Y. B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia, Y. B. Datuk Law Hieng Ding, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, dan para tetamu sekalian.

IKIM berasa bangga kerana telah dapat membantu di dalam projek penulisan buku bertajuk 'Alam Sekitar Anugerah Tuhan'. Sebagai sebuah institusi yang telah diberi amanah untuk meningkatkan kefahaman tentang agama Islam dikalangan orang-orang Islam dan bukan Islam, IKIM amat berterima kasih kerana diberi peluang di atas perkara yang amat penting ini.

Isu-isu berkaitan alam sekitar amat banyak sekali. Disamping menanganinya diperingkat pemuliharaan, strategi bagi memantapkan usaha-usaha pencegahan juga perlu diwujudkan. Salah satu daripada kaedah pencegahan yang paling berkesan ialah melalui pendidikan. Golongan sasar yang dianggap sesuai untuk dididik ialah pelajar-pelajar sekolah.

Oleh itu, satu pendekatan berasaskan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam ajaran Islam tentang penjagaan alam sekitar telah digunakan bagi menyediakan buku ini. Konsep-konsep yang diutarakan di dalam kitab suci Al-Quran dan hadith-hadith Nabi Muhammad S.A.W. diolah semula dalam bentuk yang mudah untuk difahami dan selaras dengan keadaan semasa.

Pelbagai gambar dan rajah menarik dan berguna telah dimuatkan bagi meningkatkan lagi minat pelajar untuk membaca dan menghayati kandungan serta mesej yang ingin disampaikan di dalam buku ini.

IKIM berharap menerusi usaha seperti ini, maka tahap kesedaran penduduk Malaysia terhadap kepentingan menjaga alam sekitar yang dikurnia Allah S.W.T. akan lebih meningkat. Semoga kita semua mendapat keberkatan dari usaha ini.

Wassalam

**TAN SRI DATO' SERI (Dr.) AHMAD SARJI
BIN ABDUL HAMID**



BUKU 'ALAM SEKITAR ANUGERAH TUHAN'



Buku Alam Sekitar Anugerah Tuhan adalah buku yang diterbitkan hasil usahasama murni antara Jabatan Alam Sekitar dengan Institut Kefahaman Islam Malaysia di bawah Rancangan Malaysia ke 7 (RM 7). Buku ini merupakan sebuah buku bacaan dan rujukan yang berusaha menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar dari perspektif Islam kepada para pelajar, khususnya pelajar menengah rendah.

Alam Sekitar adalah amanah dan anugerah Tuhan kepada manusia yang harus dipelihara sebagai warisan generasi yang berpanjangan. Penerbitan buku bacaan dari segi penerapan nilai-nilai murni alam sekitar dari perspektif agama diharapkan dapat memberi kefahaman yang lebih jelas dari sudut yang berbeza mengenai isu-isu alam sekitar.

Buku 'Alam Sekitar Anugerah Tuhan' mengandungi lapan bab penerangan ringkas yang menyentuh alam sekitar, penerangan terhadap planet bumi, air, udara, tanah, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan berkaitan diantara manusia dengan Tuhan berserta kejadiannya serta tanggungjawab sesama manusia untuk memelihara persekitarannya.

malaysia



Ryza
Daud
TAN SRI DATO' SEBU (Dr.) AHMAD ZULKIFLI
BIN ABDUL HAMID



BUKU 'MALAYSIA: AGENDA 21 VERSI KANAK-KANAK'



Buku ini dihasilkan daripada pengubahsuaian buku asal Agenda 21 dan juga buku 'Rescue Mission - Planet Earth: A Children's Edition of Agenda 21' yang telah diterbitkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1994. Petikan-petikan daripada Buku Agenda 21 yang asal, disusun dan disunting semula bagi disesuaikan dengan keadaan di Malaysia untuk memastikan kesan yang sebaiknya disampaikan kepada para pembaca.

Buku ini mengutarakan peranan kanak-kanak dalam menangani isu-isu alam sekitar serta usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Isu-isu ini ditulis dalam bahasa yang mudah untuk difahami oleh kanak-kanak. Di samping itu, menerusi ruangan 'Pelan Aktiviti untuk diikuti oleh Anak-Anak', buku ini juga memberikan panduan kepada guru dan ibubapa untuk membimbing kanak-kanak menjalankan aktiviti-aktiviti mudah bagi mengenalpasti dan mencari penyelesaian kepada masalah pencemaran alam sekitar yang biasa dihadapi pada masa kini.

Adalah diharapkan dengan membaca buku ini serta mengambil bahagian dalam aktiviti yang dicadangkan, kanak-kanak menjadi lebih peka kepada persekitaran mereka.



PROJEK 'WIRA ALAM'



WIRA ALAM

Projek perintis ini akan dimulakan sebagai salah satu daripada aktiviti persatuan/kelab pencinta alam di sekolah yang bernaung di bawah Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) di seluruh Malaysia bagi pelajar-pelajar sekolah rendah (Tahun 4 - 6) dan menengah (Tingkatan 1-5) serta berwarganegara Malaysia.

Pelajar yang menjadi ahli kelab pencinta alam sekolah digalakkan menyertai projek ini dan mereka perlu mendapatkan buku aktiviti projek ini menerusi guru kelab di sekolah masing-masing dengan hanya RM 1.00 untuk setiap buku aktiviti. Wang ini akan disalurkan ke kelab pencinta alam sekitar sekolah terbabit.

Tujuan projek ini adalah untuk menyediakan peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif samada secara individu dan kolektif, dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan bagi menghargai sumbangan para pelajar dalam pemuliharaan alam sekitar.

Projek ini akan dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu Peringkat Awal (Wira Diri), Peringkat Pertengahan (Wira Komuniti) dan Peringkat Akhir (Wira Alam) yang masing-masing menekankan tentang komitmen peribadi pelajar sebagai penggerak terhadap rakan sebaya dan terhadap komuniti tempatan. Semua pelajar perlu melengkap dan menyerahkan buku aktiviti yang telah dilengkapkan sebelum layak menyertai peringkat yang berikutnya.



PENGHARGAAN

Pejabat Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia

Pejabat Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)

Sidang Pengarang Buku Malaysia : Agenda 21

Versi Kanak-Kanak

Nestle Products Sdn Bhd

Sek. Keb. Damansara Utama, Petaling Jaya

Pihak Jawatankuasa Penganjur ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan buku-buku dan majlis ini.



*Pulau Pandan jauh ke tengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan dikandung tanah
Budi yang baik dikenang juga*



JAWATANKUASA PENGANJUR

- Penasihat** : Y. Bhg. Pn. Hajah Rosnani Ibarahim
- Ketua Penyelaras** : En. Patrick Tan Hock Chuan
- Penyelaras** : Cik Muslina Sulaiman
- Urusetia** :
- En. Abu Bakar Yang (IKIM)
 - Cik Muhibbah Selamat
 - Y.M. Tunku Khalkausar Tunku Fathahi
 - Cik Loke Siew Yean
 - Cik Zainab Zubir
 - Pn. Rosnani Abdullah
 - En. Azlan Ahmad
 - En. Norazizi Adinan
 - En. Amirul Aripin
 - En. P. Vellayutham
 - Pn. Raseli Mohd Lazim
 - Pn. Sukinah Sobi
 - Pn. Norizan Mohd Nazir
 - Cik Easther Ayu
 - En. Johan Ahmad
 - Pn. Noor Baizura Azizan
 - Pn. Dina Abdul Samad
 - Pn. Rosnani Ahmad
 - Pn. Rozita Jalil
 - En. Zamzani Ibrahim
 - En. Azmi Mohd. Amin
 - Pn. Siti Shamsinar Annuar
 - Cik Rohaizan Husin



UNEP

For Life on Earth
Save Our Seas

World Environment Day
5 June 1998



IST/14/DA/925.05.98